

24 JUL 1996
Kelantan-Istana
ISTANA KELANTAN BELUM TETAP TARIKH MENGADAP

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata rombakan anggota Exco Kerajaan Kelantan ditangguhkan sementara mendapat tarikh mengadap Sultan Kelantan bagi perkenan baginda.

"Saya tidak boleh pastikan, itu urusan Istana, kita doakan mudah-mudahan Istana (memberi perkenan)," katanya apabila ditanya mengenai penangguhan rombakan Exco Kerajaan Negeri itu, yang dijadual dibuat minggu ini.

Nik Abdul Aziz, yang berada di sini menghadiri jamuan tengah hari sempena 15 tahun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, berkata permohonan telah dibuat untuk majlis mengadap itu tetapi beliau tidak mahu menyebut bila permohonan itu dibuat.

Rombakan Exco Kerajaan Kelantan itu adalah berikutan penamatan portfolio empat anggota Exco dari Parti Melayu Semangat 46 (S46) oleh Nik Abdul Aziz pada Khamis lepas.

Para anggota Exco itu termasuk Timbalan Menteri Besar II Datuk Rozali Isohak.

PAS pada 14 Julai lepas memutuskan hubungan di semua peringkat dengan S46. Sebelum ini S46 adalah salah satu parti yang menjalin kerjasama dalam Angkatan Perpaduan Ummah, selain PAS, Berjasa dan Hamim, yang menerajui Kerajaan Kelantan.

Di KOTA BAHARU, S46 berkata ia tidak akan menggunakan "hubungan rapatnya dengan Istana Kelantan" untuk mempengaruhi Sultan supaya menolak usaha Pas untuk mengadap baginda bagi menyelesaikan krisis politik di negeri ini.

Pengerusi Perhubungan S46 Kelantan, Datuk Rozali Isohak berkata Sultan bukan boleh dipolitikkan malah Nik Aziz perlu mengadap baginda secepatnya untuk menyelesaikan masalah sekarang.

"Semuanya bergantung kepada Sultan kita tidak akan menghalang," katanya kepada pemberita semasa ditemui di pejabatnya di sini.

Rozali berkata keadaan sekarang dilihat sebagai satu perkembangan celaru dan ini menunjukkan Menteri Besar tidak boleh mengawal semua perkara.

"Jika Menteri Besar tidak ada hubungan baik dengan Sultan, ini satu perkara yang tidak sihat kerana hanya Sultan yang mempunyai kuasa yang boleh menyelesaikan masalah sekarang," katanya.

Mengenai perlucutan portfolio Exco S46, Rozali berkata mereka tidak menganggap diri mereka sebagai pembangkang tetapi masih menganggotai kerajaan negeri.

Beliau mendakwa yang beliau masih boleh melaksanakan kuasanya di bawah kapasiti sebagai Timbalan Menteri Besar II Kelantan atas alasan "perwakilan kuasa datang dari Menteri Besar sendiri dan saya masih boleh membincangkan perkara-perkara dasar".

Katanya, walaupun mereka ditarik portfolio masing-masing, namun mereka masih terikat dengan akuan sumpah sebagai anggota Exco.

"Semua perkara sama ada rahsia atau tidak tetap perlu dibincangkan dalam mesyuarat Exco kerajaan negeri dan Exco Semangat 46 masih bertanggungjawab kepada menteri besar," katanya.

"Pas kata kita ditendang tetapi kita rasakan kita masih dalam kerajaan," katanya.

Sambil menyifatkan keadaan sekarang sebagai "lucu" kerana kerajaan negeri pasti tidak boleh berfungsi seperti biasa, Rozali berkata dia dan

tiga anggota Exco S46 lain akan tetap datang ke pejabat untuk bekerja walaupun dalam keadaan yang tidak selesa.

Beliau juga berkata beliau akan menghadiri mesyuarat Biro Politik S46 di Kuala Lumpur esok dimana beliau akan mengemukakan situasi politik Kelantan di samping mendapatkan pandangan daripada pucuk pimpinan parti.

"Yang saya fikirkan sekarang ialah pada masa persidangan belanjawan dewan undangan negeri pada Oktober dan November depan. Adakah pada masa itu kita dilihat sebagai penyokong atau sebaliknya," katanya.

Rozali berkata beliau akan mendapatkan pandangan mengenai perkara ini daripada Presiden parti, Tengku Razaleigh Hamzah pada mesyuarat esok.

Dalam perkembangan lain, Anggota Exco dari Pas Haji Omar Muhammad, yang memikul tiga portfolio, berkata beliau mampu melaksanakan tugasnya sebaik yang dibuat oleh Exco dari S46 yang menyandanginya sebelum ini.

Omar diberikan dua portfolio tambahan iaitu Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat, Kesihatan dan Sukan yang sebelum itu disandang oleh Mohd Nor Ahmad dan Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang disandang oleh Nik Mustapha Nik Loding.

Ianya tambahan terhadap portfolio asalnya, Jawatankuasa Pertanian, Pembangunan Luar Bandar dan Industri Desa.

Katanya tambahan portfolio bukannya satu bebanan sebaliknya satu penghormatan kepada beliau untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Tidak berbangkit soal bebanan kerana kerajaan yang ada sekarang bertindak secara kolektif dan ini memerlukan kerjasama dari semua pihak bukan terhad kepada anggota Exco sahaja," katanya di sini hari ini.

Ketika ditanya dakwaan S46 bahawa Exco Pas tidak akan mampu melaksanakan kesemua tugas portfolio tambahan itu dan boleh menyebabkan pentadbiran kerajaan negeri lumpuh, Omar berkata ianya tidak benar malahan beliau telah memulakan pertemuan dengan pegawai-pegawai dari portfolio barunya itu pagi ini.

"Saya telah mengadakan mesyuarat pertama saya dengan pegawai-pegawau berkenaan pagi ini bagi mendapatkan kerjasama sepenuhnya dari mereka dan dari pertemuan itu saya jangka tidak akan menghadapi sebarang kerumitan," katanya.

Katanya semua projek yang dibuat oleh Exco S46 akan tetap diteruskan sekiranya ianya dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

-- Bernama

RAR AHH